PENGURUSAN KOKURIKULUM - MPU7011
NAMA AHLI KUMPULAN
1.JUSTIN
2.VALENTINO
3.ROSALINA

NAMA GURU : JEKIUS BIN KARIM

TOPIK - PENGENALAN KEPADA KOKURIKULUM
(Akta, Dasar, Surat Pekeliling Ikhtisas & Peraturan Am)

ISI KANDUNGAN SLIDE PRESENTATION :

1.AKTA

APA ITU AKTA?

- Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka,akta ialah undang-undang bertulis yang diluluskan oleh Parlimen untuk mengawal atau mengatur sesuatu perkara dalam negara.

FUNGSI AKTA

- Menjadi **asas perundangan** kepada sistem pendidikan Malaysia.
- Meletakkan kokurikulum sebagai **sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan**.
- Menjadi asas perundangan bagi pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah.

AKTA BERKAITAN KOKURIKULUM

Evolusi Perundangan Pendidikan Malaysia

Ordinan Pelajaran 1952 → Ordinan Pelajaran 1957 → Akta Pelajaran 1961 → Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

Akta Pelajaran 1961

• Menguatkuasakan syor **Laporan Rahman Talib 1960**.
• Menegaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.
• Memperkenalkan pendidikan sekolah rendah percuma.
(Akta ini telah dimansuhkan / Telah digantikan dengan Akta pendidikan 1996 berkuat kuasa pada 31 Disember 1997)

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

Mengandungi peruntukan undang-undang yang mengatur seluruh sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Di dalamnya terdapat 17 Bahagian, 16 Bab, dan lebih 150 Seksyen.

- **Seksyen 18 (Kurikulum Kebangsaan):** Mewajibkan semua sekolah (termasuk swasta) melaksanakan Kurikulum Kebangsaan di mana kokurikulum diiktiraf sebagai sebahagian daripadanya.
- **Seksyen 130 (2)(i):** Memberi kuasa perundangan kepada Menteri Pendidikan untuk menggubal dan menyelaraskan peraturan berkaitan penubuhan persatuan, kelab, serta pasukan di sekolah.
- **Seksyen 135 (Penalti):** Menetapkan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun, atau kedua-duanya sekali, bagi guru besar, pengetua, atau guru yang gagal mematuhi pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan.

2.DASAR KOKURIKULUM

Dasar Utama 1:KEGIATAN KOKURIKULUM ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KURIKULUM KEBANGSAAN

(Rujuk Seksyen 18, Akhta Pendidikan 1996 (Akta 550)

“Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU(A) 531/97.

- **Melaksanakan kokurikulum di sekolah adalah WAJIB.**
- **Kegagalan @ Keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum adalah suatu kesalahan yang jika disabitkan bersalah boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara atau pun kedua-duanya sekali di bawah penalti am.**

Seksyen 135 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550): Penalti Am.

- “(1) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Akta 550 yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”
- “(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 550 ini boleh, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya di bawah Akta 550 ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.”

Dasar Utama 2: PENYERTAAN MURID DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM ADALAH WAJIB

- Matlamat gerakerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan setiap orang pelajar. Setiap pelajar hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerakerja pakaian seragam, satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan atau permainan." – {Perkara 5.1 Surat Pekeliling ikhtisas Bil 1/1985 KP(BS)8591/Jld. II(29)}.
- Sekolah mewujudkan peluang yang seluas-luasnya kepada murid menyertai kegiatan kokurikulum yang mereka minati. – {Untuk tujuan ini Pengetua/Guru Besar telah diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan kelab/persatuan di sekolah seperti dalam Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai PU(A)196/98.}.
- Penyertaan, kehadiran dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum hendaklah direkod dan diberi penilaian. – {Hal ini ditegaskan dalam Perkara 8.2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1985 dan Perkara 2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2/1986)}.
- Ketidakhadiran murid dalam kegiatan kokurikulum yang murid itu telah mendaftarkan diri untuk menyertainya adalah suatu kesalahan yang menyebabkan murid tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin jika disabitkan bersalah seperti tindakan ke atas kesalahan ponteng sekolah atau ponteng kelas. – {Hal ini hendaklah dimaktubkan dalam Buku Undang-Undang dan Peraturan Sekolah dan perlu diketahui oleh murid-murid dan ibu bapa mereka}.

Dasar Utama 3: PENYERTAAN SEMUA GURU ADALAH WAJIB

- Penyertaan semua guru sebagai penjawat atau pengkhidmat awam dalam mengurus, menyelia dan mengelola kegiatan kokurikulum di sekolah adalah wajib.
- Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi mempastikan keberkesanan pelaksanaan gerakerja kokurikulum di sekolah" (Perkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985.).
- Setiap orang guru di sekolah hendaklah, secara bertulis, diberi tugas dan tanggung jawab yang spesifik, terperinci, dan kuantitatif dalam bidang kokurikulum di sekolah, seperti yang dilakukan dalam bidang kurikulum.
- Keengganan guru melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang telah diperuntukan adalah suatu kesalahan daripada segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan dan kebertanggungjawaban penjawat awam atau pun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut "Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan tatatertib)(Bab D)".

Dasar Utama 4: PERLAKSANAAN “KEGIATAN KOKURIKULUM” MESTI DIRANCANG DAN TERATUR

- “Kegiatan kokurikulum” yang dilaksanakan di sekolah hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah yang memberikan murid-murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah.” {Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997}.
- Setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan maksud mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan dan kurikulum kegiatan serta skema penilaian yang pragmatis dan progresif.
- Setiap kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah mengandungi elemen-elemen pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baru serta nilai-nilai murni yang membantu membangunkan intelek, jasmani, emosi dan rohani murid secara seimbang.

DASAR-DASAR SOKONGAN DALAM PERLAKSANAAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH

- Sekolah-sekolah khususnya yang kurang kemudahan untuk gerakerja kokurikulum ini hendaklah menggalakkan pelajar-pelajarnya mengambil bahagian dalam membuat kerja-kerja amal untuk masyarakat setempat; bergotong royong memperbaiki kawasan sekolah; gerakerja-gerakerja yang menekankan perpaduan kaum, ketatanegaraan, moral dan sebagainya yang sesuai bagi pendidikan menyeluruh dan pembentukan keperibadian. – {Perkara 5.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985, KP(BS)8591/Jld.(929)}.

- Kegiatan kokurikulum di sekolah boleh dilaksanakan dengan penglibatan dan penyertaan anggota masyarakat setempat. – {Rujuk Subperkara 4.2.1 dan Subperkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1985 KP. 8591-11(32) bertajuk “Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat”}.

- Kementerian Pendidikan amat menggalakkan murid-murid bergiat dalam kegiatan Pasukan Pakaian Seragam yang terdapat di sekolah-sekolah. Selaras dengan dasar tersebut, guru-guru dan murid-murid juga dibenarkan menyertai aktiviti seperti perkhemahan, perbarisan dan kursus yang dianjurkan dari semasa ke semasa oleh agensi-agensi kerajaan atau oleh

pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar. - (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 24/1998).

- Kementerian Pendidikan membenarkan pihak sekolah menganjurkan program lawatan pendidikan murid semasa waktu persekolahan secara terancang. Kementerian juga menggalakkan penglibatan ibu bapa yang berminat untuk menyertai lawatan-lawatan tersebut. - (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2000).

- Sesuai dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara, Kementerian Pendidikan ingin menegaskan bahawa murid-murid di sekolah perlu diberi ruang untuk mengembangkan potensi mereka secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. - (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 18/2000).

- Sekolah hendaklah memberi penghargaan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar atau orang perseorangan (atas penyertaan, penglibatan dan pencapaian masing-masing dalam bidang kokurikulum di sekolah). Penghargaan tidak hanya terbatas kepada kejayaan / kemenangan semata-mata, tetapi hendaklah juga diberi kepada pelajar-pelajar yang mempunyai sifat disiplin yang baik. - (Subperkara 8.2.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985).

- Sekolah mewujudkan peluang kepada murid-murid mengembangkan bakat dan potensi diri masing-masing dalam bidang-bidang kokurikulum yang mereka minati ke peringkat yang lebih tinggi sehinggalah ke peringkat antarabangsa.

- Murid-murid juga sebaik-baiknya diberi peluang memperagakan bakat dan kecemerlangan masing-masing kepada masyarakat awam.

SUMBER : (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2026)

https://www.moe.gov.my/index.php/kokurikulum-pendidikan-menenga

Dasar 1 Murid 1 Sukan (1M1S)

Dasar 1M1S **mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan** di sekolah dan menyokong pelaksanaan FPK untuk melahirkan insan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Prinsip utama:

- **Sukan Untuk Semua** — memberi tumpuan kepada murid yang kurang aktif.
- **Sukan Untuk Kecemerlangan** — bakat murid berpotensi digilap melalui **Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS)**.

Matlamat: Membangunkan modal insan melalui penyertaan menyeluruh murid dalam kegiatan sukan sepanjang tahun serta memupuk budaya bersukan agar menjadi masyarakat yang sihat, cergas dan berdaya saing.

Objektif (7)

1. Meningkatkan kecergasan jasmani.
2. Membentuk sahsiah, jati diri, disiplin dan nilai murni.
3. Memupuk perpaduan antara kaum.
4. Membentuk budaya sukan di kalangan murid.
5. Memenuhi naluri semulajadi murid agar aktif dari segi fizikal.
6. Memberi keseimbangan antara keperluan akademik dengan keperluan fizikal.
7. Mewujudkan landasan ke arah kecemerlangan sukan.

Prinsip pelaksanaan: Setiap murid (termasuk murid berkeperluan khas yang sihat) wajib menyertai sekurang-kurangnya satu sukan; wajib bagi murid **Tahun 4–6** dan **Peralihan hingga Tingkatan 6**; murid **Pra Sekolah hingga Tahun 3** digalakkan mengikut kemampuan sekolah (SPI Bil. 16/2010). Asasnya ialah pelaksanaan **PJK** yang berkualiti, dengan keutamaan kepada penyertaan aktif dan keselamatan murid.

Pelaksanaan program sukan: Program Sukan Umum (rumah sukan, merentas desa, sukantara, kejohanan balapan dan padang), Kelab Sukan dan Permainan (90 minit seminggu menengah, 60 minit rendah), pertandingan dalaman (antara rumah sukan/tingkatan) dan pertandingan luar (MSSD, MSSN, MSSM, antarabangsa). Pengurusan melalui enam peringkat: **Perancangan → Pelaksanaan → Pemantauan → Penilaian → Post Mortem/Penambahbaikan → Laporan/Dokumentasi**.

Peranan utama: GPK Kokurikulum (keselamatan), Guru Penasihat Sukan (mematuhi pekeliling, memeriksa peralatan, mengedar borang kebenaran, merekod kehadiran), dan murid (melaporkan kesihatan, memakai pakaian sesuai, mengikut arahan guru)

Sumber: 2011, Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S), Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia

https://www.jpnin.gov.my/pdf/Dasar%201%20Murid%201%20Sukan.pdf

https://www.moe.gov.my/1m1s

Kepentingan dasar

- Menentukan hala tuju pelaksanaan kokurikulum.
- Menjadi panduan kepada pihak sekolah dan guru.
- Memastikan peluang penyertaan murid diberikan secara menyeluruh.

3.SURAT PEKELILING IKHTISAS

Apa itu SPI?

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka,Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ialah surat arahan rasmi dan garis panduan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berfungsi sebagai punca kuasa serta rujukan pentadbiran untuk pihak sekolah dan institusi pendidikan

5 kumpulan utama yang menjadi sasaran SPI:

1.Murid - **Contoh Dokumen:** SPI Bil. 2/1996 - Penampilan Diri Pelajar, Kekemasan Dan Kerapian Berpakaian

2.Guru - **Contoh Dokumen:** SPI Bil 3/1981 - Penggunaan Waktu Luang Oleh Guru-Guru

3.Pentadbir sekolah - **Contoh Dokumen:** SPI KPM Bil. 1/2025: Garis Panduan Perkongsian Data Pendidikan KPM

4.Ibu Bapa (PIBG) - **Contoh Dokumen:** SPI Bil 5/2001 - Batasan Kuasa PIBG Di Sekolah

5.Agensi Luar (NGO & GO) - **Contoh Dokumen:** SPI Bil 9/2004 - Panduan Penglibatan Murid dalam Program Anjuran Agensi Luar

Fungsi SPI dalam kokurikulum:

- **Panduan Pelaksanaan Rasmi:** Menjadi rujukan standard kepada pihak sekolah untuk merancang, menyelaras, dan menilai aktiviti badan beruniform, kelab, persatuan, serta sukan dan permainan
- **Menitikberatkan Keselamatan:** Menetapkan garis panduan ketat mengenai keselamatan murid dan guru semasa aktiviti dijalankan, sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah
- **Kawal Selia dan Pematuhan:** Mengawal aktiviti agar tidak melanggar dasar pendidikan negara serta mencegah sebarang risiko atau penyalahgunaan kuasa.

Contoh SPI berkaitan:

- **SPI Bil. 1/1985** - Penubuhan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah. - http://moe.gov.my/surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-1985-pe

  Fokus: penyertaan murid dalam badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan. KPM sendiri merujuk SPI ini sebagai asas bahawa penyertaan murid dalam kokurikulum adalah wajib.

- **SPI Bil. 9/2000** - Keselamatan Diri Pelajar semasa aktiviti kokurikulum dan sukan.-https://www.moe.gov.my/surat-pekeliling-ikhtisas-bil92000-panduan

  Fokus: keselamatan murid semasa aktiviti kokurikulum dan sukan

SPI	Kandungan
SPI Bil. 1/1985	Penubuhan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah; matlamat penyertaan setiap murid (5.1), penyertaan guru wajib (5.2), sokongan kegiatan amal masyarakat (5.3), rekod dan penilaian (8.2.1).
SPI Bil. 2/1986	Rekod kedatangan dan laporan kegiatan kokurikulum; penilaian murid (Perkara 2.1).
SPI Bil. 2/2007	Peruntukan waktu bagi kegiatan kokurikulum di sekolah rendah dan menengah.

SPI Bil. 7/2006	Panduan perbelanjaan peruntukan kokurikulum sekolah.
SPI Bil. 8/2007	Garis panduan pemakaian pakaian kokurikulum di hari persekolahan dan perhimpunan bulanan kokurikulum.
SPI Bil. 24/1998	Penglibatan guru dan murid dalam aktiviti pasukan pakaian seragam anjuran agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.
SPI Bil. 17/2000	Prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa diskriminasi.
SPI Bil. 18/2000	Memberi ruang kepada murid mengembangkan potensi secara menyeluruh dan bersepadu.
SPI Bil. 5/2016	Panduan keselamatan semasa pengajaran PJK serta kegiatan kokurikulum dan sukan di dalam dan di luar kawasan sekolah.

Peraturan Am & Peraturan-Peraturan Pendidikan

4.PERATURAN - PERATURAN AM PELAKSANAAN KOKURIKULUM

Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU(A) 531/97.

• Melaksanakan kokurikulum di sekolah adalah WAJIB.

• Kegagalan/Keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum adalah suatu kesalahan yang jika disabitkan bersalah boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara atau pun kedua-duanya sekali di bawah penalti am.

• Berusaha untuk memahami semua Akta, Surat Pekeliling Ikhtisas, Peraturan Am pelaksanaan Gerak Kerja Kokurikulum (GERKO) di sekolah.

• Mesyuarat perlu diadakan untuk merancang pengagihan tugas kepada semua guru, dan membuat penyelarasan aktiviti yang dicadangkan oleh setiap komponen GERKO.

• Sumber dan peralatan bagi melaksanakan Kokurikulum disimpan dan ditadbir dengan sempurna:

• Menyediakan jadual waktu GERKO dan memakluminya kepada semua pelajar,ibu bapa dan guru.

- menyediakan tempat simpanan

- merekodkan penggunaan peralatan

- membaikpulih peralatan yang rosak

• GERKO lebih berkesan apabila dilaksanakan mengikut sistem kelompok

• Kedatangan pelajar setiap kali latihan direkodkan. Kehadiran perlu diambilkira bagi memberi keutamaan kepada pelajar yang menghadiri kursus, perkhemahan, lawatan dll.

• Guru penasihat dan pengerusi perlu membuat laporan bertuis mengenai aktivití yang dijalankan setiap kali perjumpaan diadakan dalam buku khas yang disediakan oleh pihak sekolah.

• Pihak sekolah perlu menyediakan satu sistem penilaian dan pengiktirafan kepada pelajar yang cemerlang dalam aktiviti Kokurikulum seperti Sijil / Surat Akuan / Anugerah.

4.RUMUSAN

Kesimpulan

- Akta menyediakan asas perundangan.
- Dasar menentukan hala tuju kokurikulum.
- SPI memberikan panduan dan arahan pelaksanaan.
- Peraturan Am memastikan ketetapan dan tatacara dipatuhi.

Kesemua elemen ini saling melengkapi dalam memastikan pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah berjalan dengan teratur dan berkesan**.**

5.RUJUKAN

1. Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Akta*. **Pusat Rujukan Persuratan Melayu.**
2. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
3. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.
4. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Dasar Pelaksanaan Kegiatan Kokurikulum.*
5. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1 Tahun 1985.*
6. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 1986.*
7. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9 Tahun 2000.*
8. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2007.*
9. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2007.*